

Labuan: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) meraih empat pingat emas dan tiga perak daripada sembilan acara dipertandingkan dalam Kejohanan Sukan Staf UMS Ke-14 Fasa 1 pada 25 hingga 26 Januari lalu.

Kelebihan sebagai tuan rumah membolehkan atlet UMSKAL atau dinamakan kontinjen 1KAL memenangi acara kayak, badminton, bola tampar wanita dan dart selain meraih tempat kedua acara bola sepak pantai lelaki dan wanita serta sepak takraw veteran.

Kontinjen Hercules pula mendapat dua emas dan satu gangsa, D'Six meraih dua emas, Royal Esteem (satu emas dan satu perak), Science United (dua perak), D'Arts (satu perak dan tiga gangsa), Twin Tower (satu perak dan satu gangsa) serta SPL Eagles (satu gangsa).

Berjalan lancar

Seramai 800 atlet mewakili lapan kontinjen itu kejohanan yang membabitkan sembilan acara iaitu bola tampar wanita, bola sepak pantai lelaki dan wanita, kayak, dart, catur, badminton, sepak takraw dan golf.

Majlis perasmian di Dewan Utama UMS Kampus Antara-

UMSKAL ungguli Sukan Staf UMS

29. 1. 2014 38



Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal (berdiri empat dari kiri) bersama pasukan badminton UMSKAL yang memenangi emas.

bangsa Labuan, disempurnakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Sukan Staf UMS 2014 Fasa 2 akan berlangsung di Kota Kinabalu

pada 13 hingga 16 Februari ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, bangga atas komitmen semua pihak terutama jawatankuasa pengjur, jabatan dan agensi kerajaan serta pegawai dan staf UMS yang menjayakan kejohanan tiga hari itu di Labuan.

"Kejohanan Sukan Staf UMS Fasa 1 berjalan lancar hasil kerjasama dan komitmen semua atlet dan pegawai UMS. Saya merakamkan penghargaan kepada semua warga UMSKAL yang menjayakan kejohanan kali ini," katanya. - Oleh Azri Onn Othman